

10 NOV 2001

Isa-Projek

PROJEK KECIL RANSANGAN EKONOMI DI NS 17 PERATUS SIAP

SEREMBAN, 10 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata projek-projek pembangunan kecil menerusi pakej ransangan ekonomi di negeri itu dijangka siap mengikut jadual sebelum akhir tahun ini.

Beliau berkata setakat ini 17 peratus daripada projek yang dilaksanakan telah siap.

Pelaksanaan projek-projek berjalan baik tetapi keadaan cuaca yang sering hujan menjejaskan kelancarannya, katanya kepada pemberita selepas perasmian sidang Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

"Jadi kontraktor yang bertanggungjawab perlu mencari jalan untuk menyelesaikan projek yang diberikan kerana projek tersebut mesti disiapkan selewat-lewatnya 31 Dis ini," katanya.

Sidang itu dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Ja'afar.

Mohamed Isa berkata kerajaan negeri sentiasa memantau perkembangan projek-projek yang dijalankan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan mengikut jadual.

"Wakil rakyat juga diarah untuk sentiasa melihat sendiri projek-projek yang dijalankan di kawasan mereka kerana kontraktor yang dipilih adalah berdasarkan cadangan mereka," katanya.

Negeri Sembilan menerima peruntukan sebanyak RM47 juta menerusi pakej ransangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober lepas.

Mengenai pembinaan Universiti Negeri Sembilan di Gemas, beliau berkata kerajaan negeri telah memperuntuk tanah seluas 200 hektar bagi tujuan itu.

"Pembinaannya terserah kepada kerajaan persekutuan, tetapi ia akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kita cadangkan di Gemas supaya dengan adanya universiti di situ, ia mampu membawa pembangunan yang lebih pesat ke kawasan itu.

Mengenai Kolej Universiti Islam Malaysia di Bandar Baru Nilai, beliau berkata projek di tapak seluas kira-kira 188.4 hektar itu dijangka dimulakan tahun depan.

"Sekiranya berjalan lancar, pembinaannya akan mengambil masa kira-kira 18 hingga 20 bulan," katanya.

-- BERNAMA

APG MOZ